


Insurans hayat alat kewangan

LIAM didik orang ramai mengenai manfaat, kepentingan





URUS WANG ANDA

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan@bharian.com.my

KADAR pemilikan insurans hayat di kalangan rakyat Malaysia meningkat setiap tahun berikutan usaha agresif syarikat insurans tempatan mempromosikan barisan produk masing-masing serta adanya sokongan dari kerajaan.

Tahun lalu, industri insurans hayat mencatatkan pertumbuhan kukuh 11.9 peratus disokong pemulihan ekonomi serta peralihan strategi perniagaan syarikat insurans untuk memberikan tumpuan kepada barisan produk kurang berintensifkan modal.

Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dalam laporannya berkata, hasil yang positif itu diukur menerusi jumlah keseluruhan premium perniagaan baru sepanjang tahun lalu bernilai RM8.42 bilion, berbanding RM7.53 bilion pada 2009.

“Pertumbuhan itu kebanyakannya disumbangkan polisi berkaitan pelaburan yang mencatatkan pertumbuhan 26.6 peratus,” kata Presiden LIAM, Md Adnan Md Zain.

Namun, di sebalik peningkatan kadar pemilikan insurans hayat di negara ini, parasnya masih rendah berbanding negara seperti Jepun dan Singapura.

Kerajaan menyasarkan meningkatkan kadar pemilikan insurans hayat di Malaysia kepada 75 peratus menjelang 2020 dengan beberapa inisiatif daripada Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diumumkan tahun lalu.

Md Adnan berkata, ber-

dasarkan beberapa inisiatif yang diperkenalkan kerajaan, pihaknya yakin industri insurans hayat di Malaysia boleh mencapai pertumbuhan antara 12 hingga 15 peratus tahun ini.

“Walaupun ia satu cabaran, kami melihat inisiatif yang diperkenalkan kerajaan sebagai satu peluang untuk mengembangkan perniagaan,” katanya.

Antara faktor yang boleh menyumbang jualan premium lebih baik adalah kemungkinan untuk melaksanakan pelepasan cukai sebanyak RM6,000 dalam sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan premium insurans.

Langkah itu akan menggalakkan pelanggan untuk memilih pelan yang sesuai dengan keperluan mereka berbanding hanya memiliki perlindungan asas.

Pelepasan cukai berkenaan akan menyediakan kedudukan lebih fleksibel kepada orang ramai untuk memilih produk yang disediakan oleh syarikat insurans.

Sebagai tambahan, Skim Insurans Pekerja yang diumumkan dalam ETP akan menyediakan skim insurans hayat dengan terma premium asas disertakan opsyen penyakit kritikal serta perlindungan manfaat rawatan hospital.

Skim insurans mikro yang dijangka dilancarkan tahun ini akan menyediakan pelan mampu milik yang disasarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Di bawah skim yang dijangka dinamakan sebagai Pelan Perlindungan Mikro 1Malaysia itu, ia akan menawarkan perlindungan asas terhadap kematian dan kecacatan serta kos hospital



Kami yakin syarikat insurans hayat boleh memainkan peranan sangat penting dalam menyediakan infrastruktur diperlukan untuk menguruskan risiko hayat”

Md Adnan Md Zain
Presiden LIAM

pada premium berpatutan dari serendah RM20 sebulan.

Skim insurans mikro berkenaan dijangka akan terus mengukuhkan kadar penembusan insurans hayat di Malaysia yang ketika ini berada pada 41 peratus.

Satu lagi faktor yang akan menjana pergerakan pertumbuhan industri insurans hayat di Malaysia adalah Dana Pencen Swasta (PPF).

Ia akan menyokong skim persaraan awam sedia ada dan menawarkan kakitangan yang tidak mempunyai sumbangan KWSP serta golongan bekerja sendiri satu cara untuk membuat simpanan persaraan.

Langkah itu akan menyediakan peluang kepada syarikat insurans untuk menyalurkan kepakaran mereka dalam menguruskan pelaburan jangka panjang dan risiko hayat orang ramai.

Skim seperti itu akan memberi kesan positif kepada kadar penembusan dalam industri insurans hayat.

Dianggarkan, ketika ini ada dua juta pekerja, ter-



masuk yang bekerja sendiri tidak berada di bawah KWSP.

Md Adnan berkata, industri insurans hayat yang mengenal pasti keperluan untuk membantu individu menyediakan rancangan persaraan mereka kini sedang merangka pembangunan PPF.

“Skim ini akan dibuka kepada institusi yang mempunyai modal dan bermutu tinggi termasuk syarikat insurans, selain firma pengurusan aset dan bank.

“Kami yakin syarikat insurans hayat boleh memainkan peranan sangat penting dalam menyediakan infrastruktur diperlukan untuk menguruskan risiko hayat,” katanya.

Semua inisiatif berke-

naan adalah antara enjin utama untuk mencapai sasaran penembusan 75 peratus insurans hayat di Malaysia menjelang 2020.

Walaupun terdapat peningkatan kesedaran mengenai peranan insurans hayat sebagai alat kewangan dan perlindungan, usaha meningkatkan pengetahuan mengenai industri itu masih banyak perlu dilakukan.

Justeru, LIAM sebagai badan yang memantau perkembangan industri kini sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mendidik orang ramai mengenai manfaat serta kepentingan insurans hayat, sejajar aspirasi kerajaan untuk memastikan semua rakyat mempunyai perlindungan mencukupi.